

Tajuk	: Pengangguran menurun kepada 3.2 peratus pada Nov 2024 : DOSM
Sumber	: Utusan Borneo
Tarikh	: 11 Januari 2025

Pengangguran menurun kepada 3.2 peratus pada Nov 2024: DOSM

PUTRAJAYA: Bilangan penganggur terus berkurang kepada 546,700 orang pada November 2024, dengan kadar pengangguran pada paras 3.2 peratus, menurut Stastistik Tenaga Buruh November 2024 yang dikeluarkan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) semalam.

Angka tersebut menunjukkan penurunan 0.9 peratus berbanding 551,400 orang pada Oktober 2024.

Ketua Perangkawan Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata, prestasi ekonomi yang kukuh menjelang penghujung 2024 menyumbang kepada kestabilan yang lebih baik dalam pasaran buruh negara pada November lepas.

“Oleh itu, bilangan tenaga buruh pada November 2024 terus kukuh dengan peningkatan 0.1 peratus kepada 17.29 juta orang (Oktober 2024: 17.27 juta orang). Kadar penyertaan tenaga buruh kekal 70.5 peratus, seperti bulan sebelumnya,” katanya dalam kenyataan semalam.

Beliau berkata, bilangan penduduk bekerja menyaksikan trend menaik, iaitu bertambah 0.2 peratus kepada 16.75 juta orang pada November 2024 berbanding 16.72 juta orang pada Oktober 2024.

Mengulas lebih lanjut, beliau berkata majoriti orang

yang bekerja pada November 2024 terdiri daripada kategori pekerja iaitu meliputi 74.9 peratus, dengan kategori ini menyaksikan peningkatan 0.1 peratus menjadikan keseluruhan 12.54 juta orang (Oktober 2024: 12.53 juta orang)

Begitu juga bagi kategori penduduk bekerja sendiri yang menyaksikan trend menaik dengan 0.4 peratus kepada 3.11 juta orang berbanding 3.10 juta orang pada Oktober 2024.

Bagi situasi pengangguran pada November pula, beliau berkata mereka yang tersedia untuk bekerja dan sedang aktif mencari pekerjaan atau penganggur aktif, meliputi 79.8 peratus daripada keseluruhan bilangan penganggur.

“Kumpulan ini mencatatkan penurunan 0.9 peratus kepada 436,200 orang (Oktober 2024: 440,000 orang).

“Mengenai tempoh pengangguran bagi penganggur aktif, mereka yang menganggur kurang daripada tiga bulan meliputi 62.6 peratus manakala mereka yang menganggur lebih daripada setahun 6.0 peratus. Begitu juga penganggur pasif atau mereka yang percaya bahawa tiada pekerjaan tersedia turut menurun 0.7 peratus kepada 110,600 orang,” katanya.
— Bernama